



13 MAY, 2026

TNB peruntuk RM25 juta kepada MHC bagi tempoh lima tahun

Harian Metro, Malaysia



TNB peruntuk RM25 juta kepada MHC bagi tempoh lima tahun

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus memainkan peranan penting dalam sukan hoki apabila memperuntukkan RM25 juta kepada Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) bagi tempoh lima tahun bermula 2026 hingga 2030.

Setiap tahun, MHC akan menerima dana sebanyak RM5 juta untuk badan induk itu menguruskan perancangan mereka dari segi akar umbi sehingga kejohanan yang disertai.

Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Shamsul Ahmad berkata, beliau menaruh harapan kerjasama antara kedua-dua pihak ini akan diteruskan pada masa akan datang dan mencipta kejayaan bersama di dalam negara ma-

hupun di peringkat dunia.

“Kita memperuntukkan hampir RM25 juta dari segi pembangunan, pertandingan dan juga bantuan kepada semua sekolah terabit. Kita ingin melihat sukan hoki ini terus mendapat kejayaan serta dimartabatkan dan harap satu hari nanti kita mampu menjadi juara dunia dalam sukan hoki,” katanya selepas Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) Penajaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) bagi tempoh 2026 hingga 2030 di Ibu Pejabat TNB, di sini, semalam.

Turut hadir adalah Menteri Belia dan Sukan, Dr Mohammed Taufiq Johari

dan Presiden MHC, Datuk Seri Subahan Kamal.

Dalam perkembangan sama, Subahan melihat tajaan daripada TNB ini sebagai satu langkah positif dalam memastikan MHC dapat melaksanakan pelbagai program untuk memartabatkan sukan hoki di peringkat tertinggi.

“Alhamdulillah, tahun ini saya difahamkan kontrak ini untuk lima tahun dengan jumlah keseluruhan RM25 juta dan TNB memahami kita perlukan dana.

“Kita harap dana ini akan digunakan dengan sebaik mungkin supaya dapat meningkatkan lagi prestasi sukan hoki dan menghadirkan lebih banyak kejayaan pada masa akan datang,” katanya.